



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	2/4/2021	MUKA SURAT	:	27
JABATAN	:	JMG			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

# Ada bukti kru rosakkan fosil

## *Kerajaan Perak akan tuntutan kos kerugian*

Oleh Balqis Jazimah  
Zahari  
am@hmetro.com.my

**Ipoh**

**K**erajaan negeri akan mengambil tindakan tegas dan menuntut ganti rugi daripada pihak bertanggungjawab terhadap kerosakan fosil berusia jutaan tahun serta bahagian dinding di Gua Matsoorat di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Perak, Datuk Nolee Ashilin Mohamed Radzi berkata, pihaknya ketika ini sedang meneliti insiden berkenaan dengan pihak bertanggungjawab untuk menentukan kos kerugiannya.

Menurutnya, beberapa perjumpaan dan perbincangan diadakan dengan pihak Majlis Bandaraya Ipoh (MBI), operator gua, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas) bersama pihak yang terabit sebelum ini.

“Jadi, kita mendapati bahawasanya memang terbukti kru produksi penggambaran yang melakukan perkara berkenaan, ada kemungkinan kerajaan negeri atau MBI menuntut ganti rugi untuk memulihara se-

mula kerosakan dan sebagainya.

“Perkara ini masih dalam perbincangan sama ada untuk mengenakan penalti atau mereka harus membayar kos untuk kita memulihara semula tempat yang sudah dirosakkan.

“Kita ada memanggil pakar untuk melihat dan menilai kerosakan yang berlaku dan mengesyorkan langkah untuk memulihara semula,” katanya selepas hadir menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara MBI dan tiga agensi iaitu Uni-Technologies Sdn Bhd, Urban Scale Studio Sdn Bhd dan Pavilion Agro Farm.

Nolee Ashilin berkata, kerajaan negeri meluahkan kekesalan dengan insiden berkenaan dan akan memastikan tindakan tegas dilakukan agar perkara tidak berulang pada masa hadapan.

“Sebenarnya, kerajaan negeri berasa kesal dengan perkara ini yang berlaku di satu tapak yang sedang kita usahakan untuk diangkat sebagai tapak dalam Geopark Lembah Kinta,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya turut meningkatkan tahap keselamatan selama 24 jam di luar dan dalam kawasan gua dengan pemantauan serta menambah jumlah pengawal keselamatan yang bertugas.

Menurutnya, perkara itu akan menjadi pengajaran kepada semua pihak untuk berhati-hati agar perkara sama tidak berulang pada masa hadapan.

“Kita boleh mengambil iktibar daripada perkara yang terjadi dan tidak boleh ambil ringan khazanah dan warisan kita kerana sekali sudah rosak susah untuk kita memulihara semula.



NOLEE Ashilin